

**Wanita Gerakan Kedah Anjur Larian Hapuskan Rasuah
Bernama
August 6, 2014**

ALOR SETAR, 6 Ogos (Bernama) -- Wanita Gerakan Kedah akan menganjurkan 'Kempen Larian Saya Bebas Rasuah, Jangan beri. Jangan terima' pada 5 Sept ini untuk memberi kesedaran kepada orang ramai tentang bahaya rasuah.

Lebih 2,000 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, kakitangan awam, badan bukan kerajaan serta orang ramai dijangka menyertai larian itu yang bertujuan menghapuskan budaya rasuah di samping melahirkan masyarakat sihat.

Pengerusi Jawatankuasa Kempen, Nirvera Kaur Randahawa berkata program itu juga sebagai satu latihan untuk meningkatkan tahap kecergasan di kalangan orang ramai dan pelajar sekolah.

Beliau memberitahu sidang media di pejabat parti Gerakan Kedah di sini hari ini larian sejauh 5 kilometer itu akan bermula di Taman Rimba di sini pada pukul 8 pagi dan berakhir di tempat sama.

Penyertaan adalah percuma dan orang ramai yang ingin menyertai larian itu boleh mengisi borang penyertaan di Bilik Gerakan pejabat parti Gerakan sehingga 29 Ogos ini.

Program larian akan dirasmikan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Dr Mahathir. Kesemua peserta digalakkan memakai t-shirt putih.

'Larian Saya Bebas Rasuah' peringkat kebangsaan diadakan di Kuala Lumpur yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 20 April lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058319>